



Pindaan Akta Orang Asli selesai 2025

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Julai 21, 2022 @ 7:01pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dalam perancangan meminda Akta Orang Asli 1954 sebagai penambahbaikan kepada akta berkenaan seiring peredaran masa.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kali terakhir akta itu dipinda pada 1967 bagi semakan pertukaran nama jawatan Komisioner kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Katanya, JAKOA sudah membuat permohonan untuk meminda akta itu pada 2019 dan semalam cadangan pindaan sudah dibawa ke mesyuarat dasar bersama Ketua Setiausaha dan kini diminta membuat perancangan berikutnya sudah ada peruntukan.

"Kami sudah mencapai kata sepakat dengan cadangan pindaan akta ini dan ia bakal selesai pada 2025.

"Pindaan ini akan membabitkan kajian perundangan serta sesi libat urus bersama pelbagai pihak termasuk institusi kepemimpinan masyarakat Orang Asli," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan Perdana Batin/Penghulu Orang Asli Bersama Pemimpin Tahun 2022 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Menteri II Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hasbi Habibollah dan Ketua Pengarah JAKOA, Sapiyah Mohd Nor.

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata terdapat 19 seksyen di bawah Akta Orang Asli 1954 dan pihaknya akan meminda seksyen yang berkaitan.

"Usaha ini perlu dibuat terutama bagi memudahkan segala bantuan disalurkan dan kita akan lihat perkara ini bersama pegawai undang-undang," katanya.

Berkenaan penempatan Orang Asli, Mahdzir berkata, ketika ini terdapat sebanyak 215 Kampung Orang Asli (KOA) yang diwartakan di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan Rizab Samak mengikut Enakmen Negeri.

Katanya, JAKOA sudah membuat permohonan untuk mewartakan sebanyak 504 KOA dan setakat ini sebanyak 114 KOA masih dalam proses perancangan untuk diselesaikan pada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Sementara itu berkenaan langkah penjimatan dalaman dengan mengoptimumkan perbelanjaan bagi membolehkan penjimatan disalurkan untuk kesejahteraan rakyat, Mahdzir berkata, pihaknya masih meneliti secara keseluruhan perkara itu.

"Bagaimanapun segala bentuk bantuan kepada rakyat tidak terjejas termasuk bantuan pendidikan dan bantuan bencana kepada mangsa banjir yang diumumkan baru-baru ini," katanya.



Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid diiringi Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli, Sapiyah Mohd Nor beramah mesra bersama tok batin ketika hadir merasmikan majlis perhimpunan Perdana Batin/Penghulu Orang Asli bersama Pemimpin Tahun 2022 hari ini. - Foto NSTP/Hazreen Mohamad